



● Akmal (dua, kanan) menyerahkan mock chek dan ubat-ubatan kepada Mohd Shahrudin (dua, kiri).

## Pharmaniaga sumbang RM50,000 untuk mangsa gempa Padang

**BAGI** memenuhi permintaan Mercy Malaysia terhadap bantuan perubatan, Pharmaniaga Berhad, tampil menghulurkan bantuan perubatan bernilai lebih RM42,000 dan juga wang tunai berjumlah RM10,000 kepada Mercy untuk mangsa gempa di Padang, Indonesia.

Ubat-ubatan yang dibekalkan adalah antibiotik, analgesics dan ubat penahan sakit, telah diberikan

kepada Pemangku Pengurus Besar Mercy Mohd Shahrudin Asmani oleh Pengurus Besar Perhubungan Korporat Pharmaniaga, Akmal Baqi Mohamed Ariff.

Usaha ini dilakukan sebagai tanda prihatin syarikat tersebut kepada masyarakat Indonesia di mana Pharmaniaga turut mempunyai 29 cawangannya di Indonesia, PT Millennium Pharmacon International Tbk

Pengarah Urusan Pharmaniaga Berhad, Mohamad Abdullah berkata, dengan adanya cawangan Pharmaniaga di Indonesia menjadikan syarikat tersebut bersedia pada bila-bila masa memberi bantuan kesihatan dengan kadar segera.

Ketika kejadian Tsunami pada 2005, Pharmaniaga merupakan syarikat tempatan kesihatan pertama yang menghantar bantuan

perubatan kemanusiaan sebanyak tiga tan ke Aceh.

"Ini bukanlah kali pertama kami bekerjasama dengan Mercy. Projek pemeriksaan kesihatan yang sentiasa berlangsung bersama AADK (Agensi Anti Dadah Kebangsaan) membuktikan tanggungjawab Pharmaniaga yang prihatin terhadap masalah masyarakat," kata Mohamad Abdullah.

**Date:**

**October, 24 Saturday 2009**

**Placement In Publication ;**

**Bisnes Selangor & KL - Page S17**

**File :**

**Pharmaniaga**